



■ DATO SERI MAHATHIR

Mahathir nafi dakwaan PAS mengenai buku karangannya

SUNGAI PETANI, Jumaat — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan parti PAS bahawa dalam buku karangannya "The Malay Dilemma" beliau ada menyebut tentang kemunduran orang-orang Melayu selagi mereka menganut Islam.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan beliau sanggup meletakkan jawatannya jika dakwaan PAS itu benar, sebaliknya jika perkara itu tidak dapat dalam buku tersebut sebagaimana didakwa pemimpin-pemimpin PAS mestilah mengaku bahawa mereka adalah pembohong.

Burukkan imej

Dato Seri Dr. Mahathir membuat penegasan tersebut semasa berucap kepada hampir 300 orang ahli UMNO dari 60 buah cawangan di Dewan Kenangan Sultan Abdul Hamid di sini. Turut hadir ialah Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani, Haji Mohd Muslim Othman.

Bellau menisfatkan perbuatan seumpama itu oleh PAS sebagai satu teknik memburukkan imej seseorang dengan harapan orang ramai akan membencinya.

Katanya, para pemimpin PAS yang

terdiri dari para pensyarah universiti berhak membaca "The Malay Dilemma" dan memastikan sama ada terdapat ayat mengenai perkara yang didakwa.

Bellau seterusnya berkata, tidak lama lagi PAS akan mengeluarkan berbagai risalah pula mengandungi berbagai tuduhan yang tidak berasas bertujuan memburukkan pemimpin-pemimpin tertentu.

Jamin kemajuan

Dato Seri Dr. Mahathir juga mengibaratkan PAS sebagai "seekor burung gagak" yang sentiasa mencari benda-benda busuk sebelum orang lain dapat sampai.

Sebaliknya, UMNO berjuang tanpa menyamun hak-hak orang lain tetapi menuntut hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu di samping menjamin ketenteraman dan kemajuan negara.

Menurutnya, UMNO sedia bekerjasama dengan kaum-kaum lain demi menjamin kemajuan dan pembangunan negara.

"Sebaliknya, pemimpin-pemimpin PAS asyik membahagi-bahagikan harta di kalangan mereka dan membelakangkan segala janji-janji yang mereka buat."

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyentuh mengenai kemunduran orang-orang Melayu yang masih jelas dalam berbagai-bagai bidang termasuk ekonomi, pelajaran dan kesihatan.

Bellau yakin semua ini akan diatasi tidak lama lagi menerusi minat mereka dalam politik.

Sejarah telah membuktikan bahawa kejayaan dalam bidang-bidang tersebut boleh dicapai menerusi perjuangan dalam satu-satu badan seperti yang dibuktikan oleh UMNO sejak mereka.

Berbalik kepada kegiatan-kegiatan PAS, beliau menyebut bahawa penubuhan pusat pengajian tinggi Nilam Puri di Kelantan adalah semata-mata untuk mengumpul tenaga orang-orang yang bakal menyokong parti tersebut dan bukan untuk meningkatkan taraf pengajian penuntut-penuntut Islam.

Menyedari

"Datuk Asri telah gagal untuk mempengaruhi penuntut-penuntut berkenaan kerana mereka telah mula menyedari dan menolaknya," katanya.

Sementara itu, satu kecohhan telah berlaku ketika Timbalan Perdana Menteri sedang berucap apabila seorang yang berpakaian luarbiasa yang berada dalam dewan tersebut telah bangun dan dengan suara yang nyaring melaungkan azan.

Perbuatan tersebut telah mengganggu ucapan Dr. Mahathir yang kemudian berkata: "Ini penyokong PAS" disambut dengan gelak ketawa.

Orang tersebut didapati kurang siuman.

Sebelum itu, Haji Mohd. Muslim mengingatkan ahli-ahli UMNO terutamanya di negeri Kedah tentang azam PAS untuk bertapak di negeri itu.

Bellau menyeru mereka supaya jangan mendengar dakyah-dakyah pemimpin-pemimpin PAS yang "berangan-angan kosong". — Bernama.

No. Siri : 1280
No. Pen : 951/80